MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

The Observer
Buletin Rasmi MSWG

JUMAAT | 28 NOVEMBER 2025

TUNJUK JALAN KERJA

Cadangan Jentayu Sustainables untuk menaikkan yuran dan elaun pengarah dengan jumlah yang cukup banyak mencetuskan persoalan, khususnya apabila syarikat masih mencatatkan kerugian dan berdepan kekangan tunai.

KEUNTUNGAN TIDAK MENINGKAT SEPANTAS GANJARAN

Pada 4 Disember 2025, Jentayu Sustainables Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM); satu detik penting bagi Kumpulan ketika mereka berusaha menyelaraskan strategi di tengah-tengah cabaran kewangan yang berpanjangan.

Walaupun kebanyakan resolusi bersifat rutin, perhatian kini tertumpu kepada cadangan Lembaga Pengarah untuk menaikkan yuran dan elaun pengarah dengan ketara pada ketika syarikat masih mencatatkan kerugian, berdepan tekanan aliran tunai, serta penangguhan beberapa projek utama.

Persoalan asasnya mudah: adakah wajar imbuhan pengarah dinaikkan sedangkan prestasi syarikat terus merosot?

Daripada Bahan Binaan kepada Tenaga Boleh Baharu

Dahulunya dikenali sebagai Ipmuda Berhad, Jentayu bermula sebagai sebuah syarikat perdagangan bahan binaan sebelum menceburi bidang berkaitan perindustrian dan hartanah.

Transformasi besar-besaran berlaku sekitar tahun 2021 hingga 2022, yang melibatkan pertukaran dalam pemegang saham utama dan hala tuju baharu kepada sektor tenaga boleh baharu (*renewable energy,* RE). Pada Mac 2023, syarikat menukar namanya kepada Jentayu Sustainables, selaras dengan identiti baharu ini.

Kini, Jentayu diterajui oleh Lembaga Pengarah seramai sembilan ahli (meningkat daripada enam ahli pada tahun kewangan 2023) yang terdiri daripada tujuh pengarah bebas bukan eksekutif (INED) yang diketuai pengerusi bebas, Abdul Halim Jantan, serta dua pengarah eksekutif iaitu Pengarah Urusan Kumpulan (*Group Managing Director,* GMD) Datuk Haji Beroz Nikmal Mirdin dan Datin Noor Afzalina Mohd Afzal Khan.

Selepas Baevinraj Thiagarajah meletakkan jawatan sebagai CEO pada Mei 2025 untuk mengambil peranan baharu sebagai penasihat dalaman syarikat, Datuk Beroz Nikmal mengambil alih tanggungjawab sebagai ketua syarikat. Beliau sebelum ini memegang jawatan pengerusi eksekutif dan kini mengetuai operasi perniagaan. Sepanjang tahun kewangan 2025, dua INED baharu menyertai Lembaga sementara seorang lagi meletak jawatan.

Bagaimanapun, perubahan kepimpinan dan fokus strategik baharu ini masih belum menghasilkan keputusan kewangan yang lebih baik. Pendapatan merosot daripada RM81.44 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM17.04 juta pada tahun kewangan 2025, menyusut 79% dalam tempoh lima tahun.

Kos pentadbiran pula meningkat 50% dalam tempoh yang sama, memperlihatkan struktur yang tidak seimbang antara operasi yang semakin mengecil dan kos overhed yang terus meningkat. Kerugian operasi masih berlarutan, daripada RM36.3 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM30.97 juta pada tahun kewangan 2025. Hal ini menunjukkan masih terdapat isu asas berkaitan keberuntungan walaupun berlaku perubahan strategik.

Dalam keadaan syarikat yang masih rugi dan aliran tunai terhad, Lembaga mencadangkan kenaikan imbuhan seperti berikut:

- kenaikan yuran pengarah sebanyak 40.30% untuk tahun kewangan 2026;
- kenaikan elaun pengarah sebanyak 157% untuk tahun kewangan 2026; dan
- tambahan elaun sebanyak RM102,000 untuk tahun kewangan 2025, melebihi had RM70,000 yang diluluskan sebelum ini.

Selain itu, gaji pengarah eksekutif turut meningkat antara 13% hingga 25% pada tahun kewangan 2025. GMD Datuk Beroz Nikmal Mirdin menerima RM1.23 juta, manakala Datin Noor Afzalina Mohd Afzal Khan menerima RM680,000 untuk tahun kewangan 2025.

Cadangan ini dikemukakan apabila tirai tahun kewangan 2025 ditutup dengan tunai hanya berjumlah RM1.52 juta dan jumlah pinjaman sebanyak RM18.8 juta (tidak termasuk liabiliti sewa).

Notis AGM pula tidak memberikan penjelasan yang kukuh atau alasan yang berasaskan prestasi untuk cadangan kenaikan ini. Permohonan untuk mendapatkan kelulusan resolusi untuk melangkaui had elaun juga menimbulkan persoalan berkaitan tadbir urus, khususnya dari sudut kawalan dalaman yang lemah serta pematuhan terhadap mandat pemegang saham.

Secara keseluruhan, perubahan barisan kepimpinan, pertambahan saiz lembaga serta peningkatan jumlah imbuhan, ketika syarikat berdepan prestasi kewangan yang merosot dan projek yang tertangguh, menimbulkan kebimbangan dan persoalan. Bagaimanakah disiplin syarikat dalam pengawalan kos, apakah keutamaan tadbir urus serta adakah tindakan ini sejajar dengan kepentingan pemegang saham?

Penamatan, Penangguhan dan Aliran Pendapatan Yang Lemah

Semakan terhadap rekod operasi Jentayu mungkin menjelaskan mengapa pemegang saham mempersoalkan masa dan jumlah kenaikan imbuhan yang dicadangkan.

Project Young Jentayu, yang melibatkan usaha pengambilalihan aset RE yang bermula pada tahun 2021, telah ditamatkan pada awal tahun ini selepas Suruhanjaya Sekuriti menolak permohonan lanjutan masa untuk memuktamadkan urus niaga tersebut. Penamatan itu menyebabkan kos perbelanjaan profesional sebanyak RM7.46 juta dan RM16.0 juta lagi dalam bentuk deposit boleh dituntut yang masih belum dipulangkan.

Rancangan pengambilalihan Telekosang Hydro 1 & 2 yang terbengkalai pula menjejaskan prospek pendapatan berulang untuk Kumpulan. Pendapatan daripada kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) Telekosang juga sudah pun diiktiraf sepenuhnya, menyebabkan tiada lagi sumbangan pendapatan untuk menampung keputusan kewangan Kumpulan.

Project Oriole, projek hidro utama Kumpulan yang berkonsepkan *run-of-river* dengan kapasiti 162 MW, turut mengalami kelewatan. Tarikh operasi komersialnya yang pada asalnya dijadualkan pada Disember 2028 telah ditunda ke September 2029 berikutan kelewatan memuktamadkan perjanjian pembelian tenaga (PPA) dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd.

Penangguhan ini menjejaskan kejelasan pendapatan daripada segmen RE, yang kini hanya bergantung pada Project Oriole dan cadangan pengambilalihan Jentayu Solar, menyebabkan Syarikat tidak lagi mempunyai sumber pendapatan berulang. Segmen RE mencatatkan kerugian sebanyak RM2.77 juta pada tahun kewangan 2025.

Selain RE, operasi asal Syarikat turut terkesan. Segmen perdagangan yang merupakan penyumbang pendapatan terbesar untuk tahun kewangan 2025, terus merosot walaupun pihak pengurusan menyatakan terdapat "momentum positif". Prestasinya pula bergantung kepada peluang bekalan untuk Project Oriole, yang kini mengalami kelewatan dalam jadual pembiayaannya.

Sementara itu, segmen penjagaan kesihatan di bawah Hospital Pakar Ohana menunjukkan peningkatan operasi tetapi masih dalam angka kerugian. Pendapatannya meningkat kepada RM7.4 juta, manakala kerugian segmen berkurangan. Pelan pengembangan yang melibatkan penambahan pakar, menaik taraf fasiliti dan kapasiti katil, memerlukan modal baharu pada ketika kedudukan tunai syarikat sudahpun tertekan.

Sokong atau Bantah?

Jentayu mencatatkan kerugian bersih yang lebih besar pada tahun kewangan 2025 sebanyak RM31.53 juta, dipengaruhi oleh penyusunan semula portfolio, kos tidak berulang serta pendapatan yang merosot dalam kebanyakan segmen operasi Kumpulan.

Ketika tiada mana-mana segmen yang menghasilkan keuntungan konsisten, bahkan kebanyakan projek RE juga masih jauh dari tarikh operasi komersialnya, memang sukar untuk mewajarkan dan mempertahankan kenaikan yuran dan elaun pengarah.

Para pemegang saham juga perlu menilai sama ada saiz lembaga dan tahap imbuhan mereka selari dengan skala perniagaan, tahap pembangunan dan kedudukan kewangan syarikat. Secara prinsipnya, imbuhan sepatutnya meningkat apabila prestasi meningkat dan bukan ketika syarikat terus rugi dan aliran tunai tidak menentu.

MSWG akan mengundi menentang tiga resolusi yang berkaitan dengan imbuhan atas alasan kehematan kewangan, keselarasan dengan prestasi serta akauntabiliti tadbir urus.

Menolak cadangan ini tidak bermakna menolak aspirasi RE Jentayu. Ia adalah seruan untuk mengingatkan syarikat tentang pengurusan kos yang berdisiplin serta justifikasi untuk imbuhan pengarah yang lebih jelas dan telus.

Ketika Jentayu meneruskan usahanya menuju fasa memuktamadkan pembiayaannya dan memulakan operasi komersial untuk aset tenaga boleh baharu, usaha memperkukuh asas tadbir urus pada hari ini adalah penting bagi membina platform pertumbuhan yang mampan dan berwibawa.

[TAMAT]



PENDEDAHAN KEPENTINGAN
Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN
Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.